

16/01/1999

#### G-7 bincang isu kawal selia spekulator

Azizi Othman in Frankfurt

FRANKFURT, Jumaat - Usaha Malaysia mengetengahkan isu kawal selia kegiatan spekulator mata wang dan dana lindung nilai, kini membuahkan hasil apabila ia dijangka dibincangkan dalam Sidang Kemuncak Negara Kumpulan Tujuh (G-7).

Jerman, yang akan mempengerusikan sidang kemuncak itu di Cologne, Jun ini, hari ini mengumumkan akan membawa isu itu sebagai bukti sokongannya terhadap usaha Malaysia memperbaiki tatacara sistem kewangan dunia.

Menteri Kewangan II, Datuk Mustapa Mohamed, berkata perkara itu diberitahu kepadanya oleh Menteri Kewangan Jerman, Oskar Lafontaine, ketika mereka mengadakan pertemuan dua hala, hari ini.

Kedua-dua menteri kewangan itu adalah antara pemimpin yang kini di sini bagi menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan Asia-Eropah (AEFMM) selama dua hari, berakhir esok.

Mustapa berkata, buat pertama kali, sebuah negara besar dan berpengaruh seperti Jerman bersetuju bahawa perlu diwujudkan satu mekanisme perundangan untuk mengawal selia aliran modal jangka pendek sejagat.

Katanya, beliau juga diberitahu cadangan Jerman membawa isu yang diketengahkan Malaysia itu pada sidang kemuncak G-7 akan disokong sebuah lagi negara anggotanya, iaitu Perancis.

Menurutnya, Jerman dan Perancis menyokong pendirian Malaysia berhubung isu kawal selia sistem kewangan dunia itu kerana mereka melihatnya daripada perspektif negara membangun.

Selain Jerman dan Perancis, G-7 ialah kumpulan negara perindustrian terkemuka yang turut dianggotai Amerika Syarikat, Britain, Jepun, Kanada dan Itali.

"Saya menyifatkan pertemuan dengan Lafontaine kali ini membawa khabar gembira kepada Malaysia dalam usaha kita mendesak masyarakat antarabangsa membuat reformasi kepada sistem kewangan dunia.

"Jika sebelum ini Malaysia agak keseorangan dalam memperjuangkan isu itu, yang pertama kali dibangkitkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hong Kong, pada September 1997, kini ia mula mendapat perhatian serius negara besar seperti Jerman," katanya.

Begitupun kata Mustapa, Jerman mengakui usaha meyakinkan G-7 mengenai perlunya wujud kawal selia itu terpaksa menempuh laluan sukar terutama dengan adanya bantahan beberapa kuasa besar lain.

"Namun Jerman amat komited mengetengahkan isu itu malah secara terbuka menyokong perlunya diwujudkan satu badan pelbagai hala yang baru bagi menggantikan institusi Bretton Woods (IMF dan Bank Dunia)," katanya.

Mustapa berkata, Jerman mempunyai pendirian yang sama seperti Malaysia berhubung dasar pengurusan ekonomi dan bersetuju dengan langkah kawalan kewangan yang diumumkan Kuala Lumpur pada September lalu.

(END)